



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31/10/2012

# Fasa kedua Dasar Bioteknologi Negara sudah tercapai

UM-31/10/2012

PUTRAJAYA 30 Okt. - Kerajaan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dalam fasa kedua, Dasar Bioteknologi Negara jauh lebih awal berbanding sasaran asal apabila berjaya mencatatkan pelaburan bernilai RM12.72 bilion dalam bidang berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, fasa kedua dasar tersebut menetapkan matlamat untuk mencapai pelaburan bernilai RM9 bilion dalam tempoh 2011 hingga 2015 tetapi kerajaan sudah

berjaya mengatasi sasaran tersebut pada tahun ini.

“Sasaran dari segi bilangan pekerjaan yang dijana bagi tempoh sama (2011-2015) adalah sebanyak 80,000 dan setakat ini kita telah wujudkan 64,753 pekerjaan.

“Kita mengenal pasti 10 buah projek permulaan perniagaan (EPP) yang akan melahirkan 20 projek pemangkin. Ia dijangka meningkatkan pendapatan kasar negara (GNI) sebanyak RM3.6 bilion di samping

16,300 peluang pekerjaan baru,” katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Bioekonomi Kebangsaan yang sebelum ini dikenali Majlis Pelaksanaan Bioteknologi (ICM) di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

10 EPP di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) merangkumi input bioteknologi, bahan biokimia daripada sumber boleh diperbaharui, hasil ladang tempatan

berasaskan bio, kepelbagaian sumber makanan tempatan bernilai tinggi, biosimilars, khidmat praklinikal dan penemuan ubatan, saringan molekul dan khidmat diagnostik serta sel tunjang dan perubatan regeneratif Malaysia.

Dalam majlis sama, Najib turut berkongsi mengenai beberapa projek dan pelaburan bioteknologi yang sedang dilaksanakan termasuk projek pengeluaran udang galah di perairan Lahad Datu dan Semporna, Sabah.